

27/04/1997

Mahathir lawat benua Afrika

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan ke benua Afrika minggu depan dalam satu lagi usahanya menggalakkan hubungan selatan-selatan dengan tiga kuasa ekonomi yang sedang muncul.

Lawatan berkenaan akan membawa beliau ke selatan Afrika dengan persinggahan pertamanya di Malawi pada 1 hingga 3 Mei, diikuti dengan Botswana pada 3 hingga 7 Mei dan Afrika Selatan pada 7 Mei.

Lawatan Perdana Menteri ke Afrika itu dibuat ketika pemerintahan kuku besi di benua itu beralih kepada demokrasi dengan lebih daripada 25 negara Sahara kecil yang sudah mengadakan pemilihan demokrasi sejak 1990, tarikan pelancongan dipertingkat dan ekonomi sedang berkembang.

Dr Mahathir akan diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sebagai bukti kepada komitmen dan keazaman Malaysia untuk membantu negara membangun, Perdana Menteri akan membawa bersama beliau satu delegasi perniagaan peringkat tertinggi. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan pegawai kanan kerajaan akan turut serta.

Di Blantyre, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan presidennya, Dr Bakili Muluzi. - Bernama

(END)